

Kuantum Pampasan Kecederaan Diri Kes Kemalangan Jalan Raya: Analisa Kajian Kes Menurut Undang-Undang Sivil Dan Perundangan Islam

Siti Khadijah Mohd Khair^{1*}, Nuarrual Hilal Md Dahlan²

^{1,2} School of Law, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah, Malaysia

¹*sitikhadijahmohdkhair@gmail.com*, ²*nuarrualhilal@gmail.com*

Received Date: 8 August 2019

Accepted Date: 2 October 2019

ABSTRAK

Objektif utama di dalam praktis insurans adalah demi menegakkan hubungan kerjasama bersama di antara pemegang polisi dan syarikat insurans bagi menyediakan satu bentuk perlindungan dan jaminan material terhadap sesuatu risiko yang tidak dapat dijangkakan bagi tuntutan pampasan ganti rugi melibatkan kemalangan jalan raya. Akan tetapi, pihak-pihak hendaklah tidak menjadikan ia sebagai satu peluang untuk mendapatkan sejumlah award pampasan kerugian yang tidak dapat dijangkakan. Objektif kajian ini adalah untuk mendiskusi secara menyeluruh kaedah pemberian kuantum pampasan ganti rugi kecederaan diri kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam dan prinsip undang-undang sivil. Bentuk kajian menggunakan kaedah perbandingan daripada sebuah kajian kes yang dipilih bagi menganalisa isu-isu perbezaan dan persamaan berkenaan kuantum pampasan kecederaan diri menurut perundangan Islam dan praktis semasa Takaful yang juga berdasarkan sistem undang-undang sivil dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Dapatan menunjukkan bahawa secara praktis, Mahkamah berkecenderungan untuk memberikan award kerugian yang tidak memadai kadarnya berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan berhubung kuantum kecederaan diri kes kemalangan jalan raya khasnya berbanding kuantum pampasan di dalam perundangan Islam bersumberkan Al-Quran, sunnah, qiyas dan masalah mursalah yang lebih telus dan adil kepada mangsa-mangsa kemalangan. Oleh yang demikian, satu pengharmonian dalam pemberian award pampasan ganti rugi menurut perundangan Islam dapat dilaksanakan agar ia lebih komprehensif demi memberikan keadilan dan perlindungan di pihak mangsa di samping tidak membebankan pihak insurans serta negara.

Kata kunci: award kerugian yang tidak mencukupi, kuantum pampasan kecederaan diri, perundangan Islam, praktis semasa Takaful, undang-undang sivil

ABSTRACT

The main objective of insurance practice is to establish mutual cooperation between policyholders and insurance companies in providing a form of protection and material security against an unexpected risk especially for compensation claims involving road accidents. However, parties should not make an opportunity to expect a number of unexpected compensations. The objective of this study is to discuss the principles of quantum of compensation award for personal injury damages of road traffic accidents in accordance with Islamic law and the principles of civil law. The form of the study uses a comparative method of a case study chosen to analyze different issues and similarities regarding the quantum of personal injury compensation according to Islamic law and current Takaful practice which is also based

ISSN: 2231-7716

DOI: <http://10.24191/ji.v14i2.209>

Copyright © Universiti Teknologi MARA

on the civil law system using qualitative approach. The findings show that practically, the Court has the tendency to award an insufficient amount of damages based on decided cases especially relating to the quantum of damages for personal injury on road traffic accidents compared to the quantum of damages in Islamic law accordance with Al-Quran, sunnah, qiyas and masalah mursalah which is more transparent and fair especially to victims of accidents. Therefore, a harmonization in awarding compensation of damages according to Islamic law can be implemented in order to be more comprehensive and to provide justice and protection to the victim as well as not burdening the insurance and country.

Keywords: award of an insufficient amount of damages, quantum of damages for personal injury, Islamic law, current Takaful practices, civil law

PENGENALAN

Secara praktikal, dapat dilihat bahawa pengendali Takaful di dalam perkara yang melibatkan kuantum pampasan kecederaan diri juga kematian secara amnya menggunakan satu prinsip ‘continental skill’ yang pada asalnya ialah berdasarkan undang-undang lazim (Mohd Ma’sum Billah, 2003) serta merujuk kepada jadual kuantum di dalam Ikhtisar Kecederaan Diri (*Compendium Of Personal Injury Awards*) yang dikemas kini oleh pihak Majlis Peguam Malaysia (Pekeliling bernombor 210/2014, www.malaysianbar.org.my). Jelas bahawa operasi Takaful di Malaysia ini dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) dan seharusnya selari dengan prinsip perundangan Islam termasuklah isu pemberian kuantum pampasan kecederaan diri dan kematian kes kemalangan jalan raya (Mohd Ma’sum Billah, 2003). Akan tetapi sehingga kini mengapakah di dalam isu kuantum tersebut tidak mengikut perundangan Islam? Alasannya ialah oleh kerana terdapat pengaruh yang kuat melalui undang-undang lazim dan sivil sebagaimana mengikut kelaziman dalam praktis semasa. Oleh itu, pengendali Takaful masih belum bersedia dengan model alternatif yang ekslusif yang boleh dijustifikasi menurut prinsip perundangan Islam dalam membayar pampasan ganti rugi kepada mangsa di bawah tuntutan pihak ketiga khasnya yang terlibat di dalam kes kemalangan jalan raya.

Di dalam perundangan Islam, kuantum pampasan kecederaan diri dan kematian akibat kecuaian hanya berdasarkan prinsip *diyat* iaitu bayaran ganti rugi nyawa serta kehilangan anggota, fungsi dan manfaat masing-masing yang telah diperuntukkan sama ada menurut kadar *diyat* atau *arsy* iaitu kadar yang tidak mencapai kadar *diyat* penuh (Syed Ahmad S.A Alsagoff, 2006, 211). Sementara itu, bentuk bayaran pampasan ganti rugi yang lain bagi kehilangan harta atau kehilangan mata pencarian selain daripada kecederaan tubuh badan hendaklah berdasarkan prinsip *daman* iaitu nilai ganti rugi yang akan ditentukan melalui pertimbangan hakim (Wahbah al-Zuhayli, 1998). Prinsip *diyat* di bawah perundangan Islam ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam tajuk seterusnya iaitu prinsip pemberian pampasan di bawah *diyat* dan *arsy* menurut perundangan Islam. Sekiranya kedua-dua prinsip tersebut dapat diharmonikan di dalam praktis semasa Takaful, maka kadar yang munasabah boleh diaward bagi kehilangan dan kerugian sebenar terhadap tubuh badan, nyawa serta harta benda.

Oleh yang demikian, nilai pampasan ganti rugi kecederaan diri serta kaedah yang digunakan dalam pemberian award ganti rugi menerusi operasi insurans motor dan takaful masa kini amat perlu untuk diharmonikan dengan prinsip *diyat* dan *arsy* khasnya kuantum kecederaan diri sesuai dengan arus kontemporari, perkembangan ekonomi dan kemajuan negara selari dengan tuntutan keadilan dalam pemberian pampasan ganti rugi berlandaskan prinsip perundangan Islam yang komprehensif. Justeru, suatu pendekatan yang boleh dibuat di dalam kajian ini adalah bagi mengharmonikan pemakaian *diyat* dan *arsy* khasnya di dalam taksiran pampasan ganti rugi kecederaan diri agar pihak mangsa atau waris mangsa yang terlibat di dalam kecelakaan jalan raya di Malaysia mendapat keadilan yang sewajarnya

malah mampu menangani isu dan permasalahan yang masih dihadapi dalam penyelesaian tuntutan pampasan ganti rugi khususnya kes kecederaan diri akibat kemalangan jalan raya. Oleh kerana bentuk kajian menggunakan kaedah perbandingan daripada sebuah kajian kes yang dipilih bagi menganalisa secara terperinci tentang kelompongkan (*lacuna*) dan kelemahan di dalam undang-undang sivil berhubung isu pemberian pampasan kuantum kecederaan diri kes kemalangan jalan raya dan membuat perbandingan menurut perundangan Islam yang secara praktikalnya jumlah yang diperuntukkan bagi kecederaan tubuh badan dan kehilangan manfaat adalah lebih tinggi dan komprehensif. Selain itu, dengan meneliti praktis semasa Takaful berhubung kuantum kecederaan diri yang secara operasinya masih menggunakan sistem undang-undang sivil bagi pemberian pampasan ganti rugi yang tidak merujuk kepada perundangan Islam yang mana seharusnya pengendali Takaful sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang turut tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, memberikan tumpuan yang jelas terhadap pematuhan dan tadbir urus Syariah dalam sektor kewangan Islam secara menyeluruh, yang selaras sepenuhnya dengan Syariah dalam semua aspek termasuklah isu pemberian pampasan kuantum kecederaan diri. Oleh yang demikian, artikel ini akan meneliti setiap isu yang berkaitan.

LATAR BELAKANG KAJIAN KES GUAMAN SIVIL NO: A53KJ-63-03/2016

Tuntutan Plaintiff-plaintif iaitu A dan B di dalam kes ini adalah untuk gantirugi am, khas, kos dan faedah terhadap Defendan-defendan iaitu X dan Y akibat satu kemalangan jalanraya yang berlaku pada 15 Jun 2014 jam lebih kurang 9.30 malam di antara motorsikal No. KDS 1523 yang ditunggang oleh Plaintiff Pertama iaitu A dan motorsikal KCX 6434 yang ditunggang oleh Defendan Pertama iaitu X. Plaintiff Kedua iaitu B adalah pembonceng motorsikal KDS 1523. B telah mengalami kecederaan kepala yang teruk yang menyebabkan kelumpuhan, kecacatan otak dan masalah psikiatri. B mengalami kecederaan parah terutamanya di bahagian kepala. Akibat kemalangan ini, B mengalami kelumpuhan, kecacatan otak dan masalah psikiatri dan tidak boleh menjaga diri sehingga sekarang. B yang telah mengalami satu kecederaan kepala yang sangat teruk di mana beliau diwadkan dalam ICU dengan GCS 7/15 dan memerlukan pembedahan untuk membuka tengkorak agar membuang darah beku. Beliau turut mengalami banyak kepatahan kepada tengkorak dan banyak pendarahan di merata-rata tempat dalam otak menyebabkan beliau tidak sedar selama dua bulan selepas balik rumah dan terpaksa ditebus lubang di leher untuk bernafas (*tracheostomy tube*) selama lapan bulan. B telah disahkan tidak akan bertambah baik lagi dan akan selama-lamanya cacat kekal secara fizikal dan mental di mana beliau langsung tidak dapat menguruskan aktiviti harian beliau, tidak dapat kawal kegiatan kencing dan berak dan memerlukan penyeliaan penuh masa.

Beliau seperti kebudak-budakan dan langsung tidak faham dan sedar dengan persekitaran beliau. Paling menyedihkan ialah akibat kecacatannya beliau telah lupa akan suaminya yang sangat sayang padanya dan telah diberhentikan kerjanya dan seorang diri menjaga B. Adalah ketara bahawa B terpaksa menderita dalam tempoh rawatannya yang mana nyawanya terancam dan perlu mengalami tempoh pemulihan yang sangat panjang dan hakikatnya sepanjang hidup ini B akan menghadapi banyak kesusahan, kesengsaraan dan penderitaan dan terpaksa bergantung kepada penjagaan orang lain. B bukan sahaja kehilangan keupayaan fizikalnya, malah kehilangan peluang untuk bergiat sosial, berkeluarga yakni telah hilang kefahaman terhadap perkara seksual dan mencapai potensinya dalam mana-mana bidang yang mana beliau minati. Tahap kecerdikan dan pemikiran beliau telah terjejas iaitu beliau sentiasa bercakap seorang diri dan ingatan beliau juga menjadi lemah serta perangai menjadi kebudak-budakan. B juga lemah dan beliau perlu dipapah untuk naik kerusi roda, dimandikan, dinaikkan ke dalam kereta dan lain-lain lagi. B juga memerlukan bantuan A semasa pergi ke tandas. Dengan demikian, A telah berhenti kerja sebagai pembantu pemasang wayar yang berpendapatan bulanan sebanyak RM1,400.00, untuk menjaga B dan beliau juga memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM300.00 sehingga RM400.00 sebulan untuk

membeli lampin, RM100.00 sebulan untuk membeli barang pakai buang seperti tisu basah dan kapas, RM100.00 sebulan untuk krim losyen dan bedak badan.

Seterusnya menurut pakar *neuropsychiatrist and head of neurobehavioural* yang dirujuk menyatakan bahawa B menanggung *dementia* iaitu sejenis penyakit mental yang serius akibat kecederaan trauma di bahagian kepala beliau dan keadaan kesihatan beliau adalah dikategorikan sebagai mengalami ilat kekal dan memerlukan penjagaan serta pergantungan seumur hidup dengan bantuan ahli keluarga atau pembantu sekiranya suami beliau iaitu A jika kembali bekerja. Beliau juga tidak berupaya untuk ditinggalkan bersendirian walaupun untuk tempoh masa yang singkat disebabkan B tidak berupaya mengurus aktiviti harianya. Walaupun demikian, dengan bantuan sokongan dari keluarga B buat masa ini, beliau masih tidak perlukan khidmat penjagaan daripada pihak hospital. Dalam kes ini Mahkamah telah berpuas hati dan mendapati bahawa A dan B telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap X dan Y di tahap imbangan kebarangkalian dan tuntutan A dan B terhadap X dan Y dibenarkan iaitu X dan Y bertanggungan 100% dan tuntutan balas X dan Y terhadap A dan B adalah ditolak. Di antara tuntutan yang dibuat oleh A dan B berhubung kuantum pampasan ganti rugi kecederaan diri ini adalah merujuk kepada jadual berikut:

**Jadual 1: Jadual Kuantum Berdasarkan Keputusan Mahkamah Bagi Guaman Sivil
 No. A53KJ-63-03/2016**

Bil.	Jenis Tuntutan	Jumlah (RM)
1.	Plaintif Pertama (A) <u>Gantirugi Am</u> <p>a. Kecederaan dan luka-luka ringan (<i>soft tissue injury</i>) Plaintif Kedua (pembonceng motorsikal iaitu B) <u>Gantirugi Am</u></p> <p>a. Kecederaan parah di bahagian kepala (<i>severe head injury with large extradural haemorrhage at left parieto-occipital region, multiple intraparenchymal bleed at both frontal region, contusions at both temporal regions, cerebral edema, multiple facial and skull fractures causing weakness, major neurocognitive disorder and requires supervision of activities of daily living and total dependence</i>). b. Parutan (<i>multiple scars</i>)</p>	4,000.00 300,000.00 18,000.00
2.	Kos kesakitan dan penderitaan untuk pembedahan masa hadapan (tanpa faedah sebelum penghakiman)	5,000.00
3.	Kos pembedahan masa hadapan (tanpa faedah sebelum penghakiman)	8,000.00
4.	Kos penjagaan (seliaan, bantuan dan jagaan) award RM900.00 sebulan (bagi tempoh bilangan tahun belian iaitu 34 tahun) -(bilangan tahun belian 76-25=51-1/3 kontingensi=34 tahun) -RM900.00- x 12 x 34 tahun=RM367,200.00	367,200.00
5.	Kos lampin pakai buang RM300.00 sebulan (bagi tempoh 34 tahun) -RM300.00- x 12 x 34= RM122,400.00	122,400.00
6.	Kos kerusi roda RM400.00 penggantian untuk setiap empat tahun (8.5 kali) bagi tempoh 34 tahun. 34/4 =8.5 x RM400.00 =RM3,400.00	3,400.00
7.	Kehilangan mata pencarian untuk jumlah RM850.00 sebulan untuk tempoh 16 tahun. RM850.00-x 12 x 16= RM163,200.00	163,200.00
8.	Faedah <p>a. Faedah ke atas jumlah gantirugi am pada kadar 5% setahun dari tarikh penyerahan writ 23 Jun 2016 sehingga tarikh penghakiman 22 Januari 2017;</p> <p>i. Faedah ke atas gantirugi khas pada kadar 2.5% setahun dari tarikh kemalangan 15 Jun 2014 hingga tarikh penghakiman 22 Januari 2017; dan</p> <p>ii. Faedah ke atas keseluruhan wang penghakiman pada kadar 5% dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian sepenuhnya.</p>	
	Jumlah besar	RM 991,200.00

Isu Kuantum Berhubung Ganti Rugi Kesakitan Dan Penderitaan Kecederaan Kepala Berdasarkan Undang-Undang Sivil: Analisa Kajian Kes

Perkataan ‘kesakitan dan penderitaan’ merupakan satu terma yang meliputi konsep yang berbeza. Perkataan ‘kesakitan’ ini digunakan untuk menerangkan kesakitan fizikal yang disebabkan oleh suatu akibat kecederaan, sementara perkataan ‘penderitaan’ adalah berhubung dengan elemen mental seperti ketakutan, kegelisahan, keaiban, trauma dan seumpamanya (Kemp&Kemp, 2019). Walaupun kesakitan dan penderitaan ini secara langsungnya berhubung dengan impak kecederaan fizikal dan mental mangsa, undang-undang sivil lebih memfokuskan kepada penderitaan yang bersifat subjektif dalam mempertimbangkan pampasan kerugian jenis ini. Hakim Scarman di dalam kes *Lim Poh Choo lwn Camden & Islington Area Health Authority* [1979] 2 All ER 910 HL, menyatakan bahawa ganti rugi bagi kesakitan dan penderitaan adalah bergantung kepada keupayaan diri mangsa itu dalam keadaan sedar akan kesakitan dan keupayaannya menanggung penderitaan akibat kecederaan yang dialami’. Namun begitu, undang-undang sivil yang bersifat subjektif dalam mempertimbangkan ganti rugi kesakitan dan penderitaan ini tidak akan memberikan award apabila mangsa itu tidak mengalami kesakitan dan penderitaan. Keadaan ini berlaku apabila mangsa itu secara kekalnya tidak sedarkan diri atau mangsa disahkan tidak sedarkan diri dan terus meninggal dunia sebelum kembali sedarkan diri atau terbunuh serta-merta. Prinsip undang-undang sivil dalam situasi seperti ini adalah lagi lama mangsa itu sedarkan diri maka lebih tinggi jumlah ganti rugi yang akan diawardkan kepada mangsa.

Di dalam kes ini, B telah menjalani pembedahan “*left craniotomy*” dan penyingkir darah pekat pada 16 Jun 2014. Kesan-kesan dan kecacatan yang dialami B akibat kecederaan ini dinyatakan dengan terperinci di dalam laporan-laporan pakar. Pihak B telah memohon award global sebanyak RM350,000.00 ke RM400,000.00 bagi kesemua kecederaan kepala yang dialami oleh B dengan merujuk kepada kes-kes undang-undang iaitu kes *Kassim Bin Ibrahim & Anor v Syed Khodri B. Syed Abdul Aziz* [(2009) 2 PIR (25)] yang mengawardkan RM350,000.00 bagi kecederaan kepala dan kecacatan akibat kecederaan tersebut. Selain itu merujuk kes *Dr. Yusuff Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor* [(1997) 3 CLJ SUPP 211], di mana Mahkamah Tinggi telah mengawardkan RM110,000.00 bagi “*manic depressive psychosis*” 19 tahun yang lepas.

Di dalam kajian kes ini, Mahkamah Sesyen telah mengaward ganti rugi am bagi kesakitan dan penderitaan sebanyak RM300,000.00 sebagai munasabah. Mahkamah telah merujuk kes-kes berikut berkaitan kecederaan kepala iaitu kes *Lee Eng Kiang (seorang budak yang mendakwa melalui ibu dan wakil litigasinya, Toh Yeok Jong) v Kumarareshnath a/l Dorasamy & Anor* [(2015) 1 PIR (61)] di mana Mahkamah Tinggi mengawardkan RM300,000.00 bagi “*brain injury*” dan “*psychotic disorder*” serta kes *Ahmad Sairan Bin Yusak & Ors v Khoo Hun Cheong & Anor* [(2014) 1 PIR (69)] yang telah membenarkan RM380,000.00 bagi kecederaan kepala dan kecacatan yang dialami.

B juga mengalami “*multiple fractures including left occipital, both temporal mastoid part, wall of sphenoid sinus and left greater wing of sphenoid*” (*Compendium of Personal Injury Awards Revised as 17 April 2014*) berkenaan “*fracture of skull bone*” yang memberi panduan award seperti berikut: “*parietal/temporal/frontal/occipital/sphenoid bone or base of skull fracture*” di antara RM11,000.00 ke RM16,500.00. Mana-mana kepatahan yang memerlukan pembedahan “*cranioplasty*” iaitu bagi memperbetulkan semula tulang kepala adalah di antara RM16,500.00 ke RM27,500.00 beserta “*mastoid and styloid process*” iaitu tulang di tengkorak di antara RM8,500.00 ke RM13,000.00. Setelah mengambil kira kecederaan dan keadaan B akibat kecederaan kepala seperti yang dinyatakan di dalam laporan pakar dan merujuk kepada trend pengawardan semasa, Mahkamah Sesyen berpendapat award global sebanyak RM300,000.00 adalah wajar dan adil bagi kecederaan kepala dan kesan-kesan yang dialami oleh B ini. Namun begitu, adakah award kuantum pampasan kecederaan yang berjumlah RM300,000.00 yang diberikan secara global tersebut mencukupi dengan tanggungan penderitaan dan

kesakitan yang dialami oleh B di dalam kes ini? Persoalan mengenai isu ini akan diterangkan di dalam tajuk kuantum kecederaan diri menurut perundangan Islam.

Isu Kuantum Berhubung Kecederaan Kepala Dan Hilang Manfaat Menurut Perundangan Islam: Analisa Kajian Kes

Anggota badan manusia mempunyai peranannya dan manfaatnya yang tersendiri. Oleh kerana itu Islam bukan hanya menilai anggota badan dari segi lahiriahnya sahaja, tetapi juga manfaatnya anggota-anggota itu. Diyat penuh diwajibkan ke atas seseorang yang menyebabkan kecederaan di kepala lalu mengakibatkan orang yang tercedera itu hilang akalnya dan tidak waras akal fikirannya kerana akal merupakan satu-satunya keistimewaan yang membezakan manusia dengan makhluk lain serta lain-lain akibat kerosakan organ dan fungsi tubuh badannya hingga menjelaskan aktiviti hariannya sebagai orang normal berdasarkan laporan-laporan pakar. Di dalam kajian kes ini, B selama-lamanya adalah cacat kekal secara fizikal dan mental di mana beliau langsung tidak dapat menguruskan aktiviti harian beliau, tidak dapat mengawal kegiatan membuang air dan memerlukan penyeliaan penuh masa. Selain itu, perbincangan mengenai luka dan kecederaan yang turut dialami B di dalam kes ini adalah termasuk jenis luka di bahagian wajah, kepala dan selaput otak. Fokus berbincangan adalah merujuk pada denda diyat dan arsy bagi luka-luka di sekitar kepala dan wajah yang dialami oleh mangsa iaitu B adalah seperti berikut:

(a) Luka Di Kepala Dan Wajah

Luka-luka *syijjah* ialah luka-luka yang berlaku pada anggota muka dan kepala sahaja. Ia mempunyai banyak peringkat dari peringkat yang hanya sekadar mencalar atau menelas kulit sehingga ke peringkat yang dalam sehingga kecederaan otak. Akan tetapi, tidak kesemua luka-luka itu yang mempunyai bayaran *arsynya* yang tetap, hanya luka *mudhiah* iaitu luka yang sampai ke tulang dan jelas kelihatan tulangnya itu walaupun sedikit pada tempat yang luka dan luka-luka lain sesudahnya sahaja yang mempunyai kadar pembayaran *arsynya* yang tetap seperti luka *hasyimah* iaitu luka yang menembusi daging sehingga sampai ke tulang dan memecahkannya, luka *munaqqilah* iaitu luka yang menembusi daging sehingga sampai ke tulang dan menyebabkan tulang berkecaci serta berubah daripada tempat asalnya, luka *ma'mumah* atau '*ammah* iaitu luka yang menembusi sehingga sampai ke kulit pembalut otak dan luka *damighah* iaitu luka yang sampai ke otak sesudah terpecah pembalutnya. Luka yang sebegini selalunya meningkat menjadi jenayah pembunuhan (Wahbah Al-Zuhaili, 1997). Luka-luka lain sebelum sampai ke peringkat *mudhiah*, kesemuanya wajib dibayar dengan pembayaran *hukumah* iaitu mengikut nilai ganti rugi yang ditentukan oleh hakim kerana tidak ada kadar *arsynya* yang tetap. Diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzaq di dalam kitabnya *al-Musannaf* bahawa Rasulullah SAW, tidak pernah menetapkan satu pembayaran *arsy* yang tetap bagi luka-luka yang belum sampai ke peringkat luka *mudhiah* (Wahbah al-Zuhaili, 1997).

(i) Luka yang menyingkap tulang (*mudhiah*)

Menurut Imam Syafi'e: Sesungguhnya dalam surat yang ditulis oleh Rasulullah SAW kepada Amr Bin Hazm bahawa luka yang menyingkap tulang, dendanya ialah lima ekor unta (Al-Baihaqi, Ahmad bin Hussin, 1413H). Imam Syafi'e berkata: Demikianlah yang menurut pendapat kami, luka yang menyingkap tulang dendanya adalah lima ekor unta, jumlah ini sama dengan 5% dari diyat seorang lelaki (Ismail Bin Umar Al-Damsyiqi, 1994). Luka yang dikategorikan sebagai luka *mudhiah* hanya ada pada bahagian kepala dan seluruh muka. Sama sahaja apakah di bahagian depan kepala, bahagian belakang kepala, bahagian atas muka, bahagian bawah muka yang tersembunyi mahupun yang nampak. Pembayaran kadar lima ekor unta ini sebagai kadar *mudhiah* adalah tetap tidak kira sama ada luka itu besar atau kecil, sama ada yang terlalu jelas

lukanya ataupun yang tertutup dengan rambut, sama ada luka itu di muka atau di kepala (Abd al-Qadir 'Audah, 1987).

Semua luka yang masuk kategori *mudhiah* tidak dapat dibayar dengan lima ekor unta kecuali yang ada pada kepala dan muka kerana kedua-dua tempat ini merupakan bahagian yang tampak dari seseorang. Menurut Imam Syafi'e juga apabila seseorang melukai orang lain dengan luka yang masuk kategori *mudhiah* sebanyak dua kali, kedua luka itu dipisahkan oleh sedikit kulit, kemudian kulit ini tercabik pula dan kedua luka tadi menyatu, maka pada keadaan demikian dianggap sebagai satu luka. Jika terjadi perbezaan antara pelaku dan mangsa, di mana mangsa mengatakan: "Engkau yang mencabik-cabik tempat yang tadinya iaitu memisahkan kedua luka itu, untuk itu aku berhak mendapatkan denda untuk dua luka yang masuk kategori *mudhiah*", sementara mangsa mengatakan: "Bahkan bahagian yang memisahkan kedua luka itu tercabik dengan sendirinya", maka perkataan yang dijadikan pedoman adalah perkataan mangsa disertai sumpahnya (Abd al-Qadir 'Audah, 1987).

(ii) **Luka yang mencapai selaput otak (*ma'mumah* atau '*ammah*)**

Menurut Imam Syafi'e luka yang mencapai selaput dendanya adalah sepertiga diyat iaitu sama dengan 1/3. Luka yang masuk kategori *ma'mumah* adalah luka yang memecahkan tulang kepala hingga mencapai selaput otak. Seseorang tidak dapat dinyatakan melukai orang lain hingga tingkat *ma'mumah* kecuali berdasarkan hukuman bahawa luka yang diperbuatnya telah menembus selaput kepala (Al-Baihaqi, Ahmad Bin Hussin, 1413H).

(b) Kehilangan Akal Akibat Kecederaan Otak

Pembalasan bagi jenayah yang mencederakan kemanfaatan atau kegunaan sesuatu anggota ialah pembayaran pada kadar *diyat* atau *arsy*, sementara luka-luka biasa iaitu luka-luka *jirahah* dan juga luka-luka *syijjah*, maka pembalasannya ialah pembayaran *arsy* atau *hukumah* yang adil (Wahbah al-Zuhaili, 1998). Terdapat sebahagian ulama telah mengira pelbagai manfaat yang ada pada anggota manusia dan mereka mendapati kesemuanya melebihi dua puluh manfaat di antaranya ialah kemampuan berfikir, mendengar, melihat, mencium, bersuara, merasa dengan lidah, mengunyah, mengeluarkan air mani, mengandungkan anak, bersetubuh, memecahkan dara, memukul, berjalan dan lain-lain (Wahbah al-Zuhaili, 1998). Maka, kecederaan itu wajiblah dibayar dengan diyat atau *arsy* yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak sekiranya pembayaran itu dituntut oleh mangsa yang berkenaan (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Kehilangan akal seseorang akibat dari perbuatan jenayah wajib dibayar dengan satu diyat kerana Rasulullah SAW, menyatakan di dalam sebuah hadisnya:

"*Pada akal yang dicederakan wajib dibayar dengan satu diyat.*" (Al-Baihaqi, Ahmad bin Hussin, 1413H, No. hadis: [4/89].

Menurut Imam Syafi'e (Al-Baihaqi, Ahmad Bin Hussin, 1413H) apabila seseorang melakukan suatu kejahanan kepada orang lain, kemudian akal si mangsa berkurang kerana kejahanan itu akan tetapi tidak hilang atau kejahanan ini melemahkan pertuturnya, maka pelaku kejahanan ini diharuskan membayar *hukumah*. Jika ia seakan-akan luka yang menembusi selaput otak, maka dendanya adalah sepertiga diyat. Apabila tangan dan kaki mangsa lumpuh, maka denda kejahanan pada tangan dan kaki adalah satu diyat penuh. Sedangkan pada luka yang menembus selaput otak dendanya adalah sepertiga diyat jiwa kerana dia merupakan kejahanan yang memiliki hukum tersendiri dan mengakibatkan cacat pada dua anggota badan yang juga memiliki hukum masing-masing.

Jika kehilangan akal itu berpunca dari suatu jenayah yang tidak mewajibkan apa-apa pembayaran maka yang wajib dibayarnya ialah *diyat* kehilangan akal sahaja iaitu satu *diyat*, akan tetapi jika ia berpunca dari jenayah kecederaan yang ada pembayarannya seperti luka *mudhiah* maka wajiblah dibayar *arsy mudhiah* bersama-sama dengan pembayaran diyat kehilangan akal. Inilah pendapat ulama Mazhab Hanafi, Syafi'e dan juga Hanbali. Namun begitu, menurut pendapat yang *qadim* bagi Imam Syafi'e dan juga pendapat Imam Malik, yang diwajibkan membayarnya ialah *diyat* kehilangan akal sahaja kerana *arsy*

mudhiah dikira termasuk ke dalam pembayaran diyat akal. Namun, berdasarkan pendapat yang lebih kuat dalam Mazhab Syafi'e dan Imam Malik rah 'a, hanya dikenakan bayaran diyat penuh dalam kes seperti ini (Ibn Qudamah, Abu Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad, 1983). Terdapat satu kes di zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab bahawa seorang lelaki telah melempar lawannya dengan seketul batu yang menyebabkan kecederaan dan hilang akal mangsanya, pendengarannya, penglihatannya serta percakapannya lalu Umar mewajibkan pembayaran empat diyat yang mana tiap satunya bagi tiap satu kecederaan tersebut (Ibn Hazm, Ali Bin Ahmad, 2001). Namun, jika mangsa meninggal dunia akibat dari kecederaan-kecederaan tersebut maka pelaku salah hanya diwajibkan membayar satu *diyat* nyawa sahaja kerana semua *diyat* kecederaan manfaat akan menjadi *diyat* nyawa apabila mangsa meninggal dunia.

Jika sesuatu jenayah itu menyebabkan berlakunya empat kecederaan lain seperti luka *mudhiah* yang mengakibatkan mangsa yang dicerobohi itu hilang akalnya, hilang deria bau hidungnya, hilang daya pandangan matanya dan hilang kemampuan bercakap, maka pembayaran yang diwajibkan ialah empat *diyat*, tiap satunya bagi tiap kecederaan tersebut di samping *arsy* luka *mudhiah* yang menjadi punca asal kepada empat kecederaan itu berdasarkan pendapat ulama Mazhab Hanafi, Shafi'e dan Hanbali. Sekiranya sebahagian akalnya cacat maka wajib dibayar *diyatnya* menurut kadar yang hilang itu setelah dipastikan kadar kecacatannya, jika tidak maka wajiblah dibayar *hukumah* sahaja sebagaimana ditetapkan oleh pemerintah (Wahbah al-Zuhaili, 1998).

Analisa Perbandingan Isu Kuantum Pampasan Kecederaan Diri Menurut Perundangan Islam Dan Undang-Undang Sivil

Berdasarkan kedua-dua kuantum menurut undang-undang Sivil dan perundangan Islam melalui institusi *diyat*, jelas didapati bahawa kedua-dua kuantum tersebut ada memperuntukkan kadar pampasan ganti rugi berhubung kecederaan di bahagian kepala, namun yang jelasnya undang-undang sivil telah memasukkan kesan kecacatan pada akal mangsa dan kecederaan di kepala secara global dengan kadar sebanyak RM300,000.00 berdasarkan kes-kes yang diputuskan. Manakala kadar yang ditetapkan di bawah institusi *diyat* dan *arsy* adalah jauh lebih tinggi merujuk Jadual 2 di bawah ini. Dalam kajian kes ini berdasarkan bukti dari laporan-laporan perubatan serta keterangan pakar-pakar terpilih telah mengesahkan bahawa B akibat kecederaan di kepalanya menyebabkan beliau selama-lamanya adalah cacat kekal secara fizikal dan mental di mana beliau langsung tidak dapat menguruskan aktiviti harian beliau, tidak dapat mengawal kegiatan membuang air dan memerlukan penyeliaan penuh masa. Dengan itu, *diyat* penuh adalah diwajibkan untuk dibayar oleh pihak X dan Y selaku pelaku salah yang telah menyebabkan B mengalami penderitaan tersebut.

Demikian pula dengan kecederaan dan luka di kepala yang ditanggung B ini ialah termasuk tahap luka *mudhiah* dan *ma'mumah*. Luka *mudhiah* iaitu luka yang menyingskap tulang dendanya adalah lima ekor unta (Ibn Majah, 2000), jumlah ini sama dengan 5% dari *diyat* seorang lelaki dan luka *ma'mumah* ialah luka yang mencapai selaput otak yang dendanya adalah sepertiga *diyat* iaitu sama dengan 1/3 (Al-Shawkani, Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad 1994). Luka yang masuk kategori *ma'mumah* adalah luka yang memecahkan tulang kepala hingga mencapai selaput otak. Bentuk-bentuk kecederaan dan kuantum pampasannya boleh dilihat seperti jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Kadar Diyat Dan Arsy bagi Kecederaan Yang Dialami Oleh B Perbandingan Dengan Kadar Kuantum Di Bawah Undang-Undang Sivil

Nama Kehilangan/ Kecederaan	Tahap Kecederaan dan kesakitan	Kadar <i>Diyat/Arsy</i>	Nilai Semasa RM	Kadar global diputuskan oleh Mahkamah Sesyen
Kehilangan akal	(cacat kekal secara fizikal dan mental), <i>major neurocognitive disorder and requires supervision of activities of daily living and total dependance</i>	1 <i>diyat</i> 100% (1 keping dinar seberat 4.25g emas x RM182.00 (Tarikh akhir diakses pada 19 Februari 2019., https://www.hargaemas.com.my) x 1000 keping dinar) bersamaan 100 ekor unta	RM 773,500.00	RM300,000.00
<i>Mudhiahah</i>	Luka yang sampai ke tulang dan jelas kelihatan tulangnya itu. <i>(laceration wound at temporoparietal region measure 3cm- open wound exposing bone)</i>	1/20 <i>diyat</i> bersamaan 5%	RM38,675.00	
<i>Ma'mumah</i>	Luka yang menembusi sehingga sampai ke selaput otak. <i>(severe head injury with large extradural haemorrhage at left parieto-occipital region, multiple intraparenchymal bleed at both frontal region, contusions at both temporal regions, cerebral edema)</i>	1/3 <i>diyat</i> bersamaan 33.3%	RM257,575.50	
Anggaran jumlah ganti rugi		RM 1,069,750.50		RM300,000.00

Merujuk jadual kuantum di atas, jika kehilangan akal itu berpunca daripada satu jenayah yang tidak mewajibkan apa-apa pembayaran, maka yang wajib dibayarnya ialah *diyat* kehilangan akal sahaja iaitu satu *diyat*, akan tetapi jika ia berpunca dari jenayah kecederaan yang ada pembayarannya seperti luka *mudhiahah* maka wajiblah dibayar *arsy mudhiahah* bersama-sama dengan pembayaran *diyat* kehilangan akal. Inilah pendapat ulama Mazhab Hanafi, Syafi'e dan juga Hanbali. Namun, berdasarkan pendapat yang lebih kuat dalam Mazhab Syafi'e dan Imam Malik, hanya dikenakan bayaran *diyat* penuh dalam kes seperti ini. Sekiranya ganti rugi kecederaan dan penderitaan ini ditaksir dan dinilai menurut perundungan Islam, jumlah pampasan yang akan diperoleh B ialah satu jumlah yang tinggi iaitu pada satu kadar *diyat* penuh beserta jumlah ganti rugi bagi tiap-tiap bentuk kecederaan yang jelas ditanggung B berdasarkan bukti dan keterangan dari pakar-pakar perubatan.

Namun demikian, jika dilihat jumlah yang telah diaward di bawah undang-undang sivil bagi ganti rugi am kesakitan dan penderitaan jenis ini hanya berkadar RM 300,000.00 tanpa memberikan nilai

kepada satu kadar khas untuk kecederaan di kepala secara spesifik berserta kehilangan manfaat terutama bagi kehilangan akal yang merupakan tunjang utama kepada fakulti akal seseorang manusia yang membezakannya dengan makhluk-makhluk yang lain berbanding pampasan ganti rugi bagi kecederaan di kepala serta hilang manfaat menurut perundangan Islam yang dilihat lebih menyeluruh dan komprehensif. Di samping itu, terdapat klasifikasi pada bahagian kecederaan di kepala sepertimana yang telah dijelaskan sehingga turut mengambil kira kesan kecacatan akibat kecederaan ini yang akan menjelaskan kehidupan mangsa sehingga ke akhir hayat beliau.

KESIMPULAN

Undang-undang Islam menyediakan senarai yang lengkap dan terperinci berhubung pampasan ganti rugi bagi kecederaan berdasarkan jumlah peratusan yang telah ditetapkan daripada jumlah *diyat* penuh. Jumlah kuantum pampasan ganti rugi sepertimana yang dibincangkan di dalam tajuk ini menyediakan suatu metod yang mudah digunakan dalam menilai dan mentaksir jumlah ganti rugi bagi setiap kecederaan yang ditanggung mangsa dengan mengenepikan inflasi dan jumlah award yang spekulatif yang sedia wujud di bawah undang-undang sivil. Dengan adanya pengharmonian sistem *diyat* dan *arsy* khasnya bagi pemberian pampasan kuantum kecederaan diri akibat kemalangan jalan raya, dapat membantu memudahkan penyelesaian tuntutan dan sebagai panduan bagi operasi Takaful sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang juga tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 agar bertindak lebih efisien dan menyeluruh berlandaskan perundangan Islam yang lebih dinamik. Walaupun keempat-empat mazhab berbeza pendapat berhubung jumlah pembayaran *diyat* dan *arsy*, namun mereka menghubungkannya dengan keadaan-keadaan dalam beberapa pengecualian. Umat Islam di Malaysia menerima pendapat mazhab Shafi'i sebagai pendapat yang utama dan alternatifnya bagi keadaan-keadaan yang dalam pengecualian tertentu, maka mahkamah sivil di Malaysia boleh memutuskan jumlah award pampasan khasnya bagi kuantum kecederaan diri berdasarkan pengharmonian dan justifikasi sistem *diyat* dan *arsy* ini setelah mendengar hujahan dari kedua-dua pihak yang bertikai serta turut mengikuti perkembangan semasa dalam sains perubatan dan situasi semasa masyarakat hari ini. Di samping itu, ia boleh memimpin badan-badan pembuat keputusan di Malaysia agar menjadi suatu bidang yang mempunyai kepakaran dalam membuat taksiran dan nilai kuantum pampasan ganti rugi khasnya kecederaan diri bagi kes kemalangan jalan raya.

RUJUKAN

- 'Abd. Al-Qadir 'Audah. (1987). Al-Tashri' al-Jinai al-Islami Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, j. 2, 277.
- Ahmad Sairan Bin Yusak & Ors v Khoo Hun Cheong & Anor, (2014) 1 PIR (69).
- Al-Baihaqi, Ahmad Bin Hussin. (1413H). Sunan Al-Kubra Lil Baihaqi, Beirut: Dar Al-Ma'rifah. Kitab al-Diyyat, no. hadis. 4/89.
- Al-Shawkani, Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad.(1994). Nayl Al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, j.9, 57-62.
- Compendium of Personal Injury Awards, Pekeliling bernombor 210/2014, www.malaysianbar.org.my
- Dr. Yusuff Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor. (1997) 3 CLJ SUPP 211.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali Bin Ahmad. (2001). Al-Muhalla, Beirut: Al-Maktab al-Tijari, j.10, 447.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid. (2000). Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j.3, 280.

- Ibn. Qudamah, Abu Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad. (1983). *Al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir ‘ala Matn al-Muqni’ Fi Fiqh al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*, Beirut: Dar al-Ma’rifah. j. 9, 596-597, 605.
- Kassim Bin Ibrahim & Anor v Syed Khodri B. Syed Abdul Aziz, (2009) 2 PIR (25).
- Kemp. (1993). Damages for Personal Injury and Death, 5th edn, 76.
- Lee Eng Kiang (seorang budak yang mendakwa melalui ibu dan wakil litigasinya, Toh Yeok Jong) v Kumarareshannath a/l Dorasamy & Anor, (2015) 1 PIR (61).
- Lim Poh Choo lwn Camden & Islington Area Health Authority [1979] 2 All ER 910 HL
- Mohd Ma’sum Billah. (2003). *Shariah Standard of Quantum of Damages in Insurance (Third Party Claim)*, Ilmiah Publishers, Selangor, 24-25.
- Sabiq, Sayyid. (1977). *Fiqh al-Sunnah*, j.3, Beirut: Dar al-Kutub.
- Syed Ahmad S. Alsagoff. (2006). *Al-Diyah As Compensation for Homicide and Wounding in Malaysia*, International Islamic University Malaysia. 274-276.
- Ulwan, Abd Allah Nasih. (1983). *Al-Takaful al-Ijtimā’i fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Wahbah Al-Zuhaili. (1997). *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*, Damsyik: Dar Al-Fikr. j. 7, 45.
- Wahbah Al-Zuhaili. (1998). *Nazariyyah al-Daman aw Ahkam al-Mas’uliyyah al-Madaniyyah wa al-Jina’iyyah fi al-Fiwh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr, 23, 332, 349.